TEKS UCAPAN ALUAN

YBRS. TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR,
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN TAIPING
HERITAGE ART TRAIL

TEMPAT:

PONDOK SAVANAH AFRIKA,
ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

TARIKH:

29 JANUARI 2023 (AHAD)

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saya ucapkan kepada saudara pengacara majlis,

YBhg. Dato’ Shahira binti Ahmed Bazari,
Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah

YBhg. Tuan Mohd Nasrul bin Menhat
Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama

Yang Berusaha Encik Kamaruzzaman bin Kamari,
Setiausaha Perbandaran

Yang Berusaha Dr. Muhamad Ridhwan bin Affendi,
Pengarah Zoo Taiping & Night Safari

YBhg. Dato’ Nor’aini Binti Abd. Hamid
Pengerusi Koperasi Keluarga Halimah-Hussin Berhad

Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian MPT, Rakan-rakan Media dan para hadirin sekalian,

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera 2030.

MUKDIMAH

Hadirin dan Hadiran sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian dan Pelancaran ‘Taiping Heritage Art Trail’. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato’ Shahira binti Ahmed Bazari, Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah, kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita dalam majlis ini dan seterusnya merasmikan Taiping Heritage Art Trail. Sesungguhnya kami merasa amat bertuah kerana dalam keadaan jadual yang padat tetapi YBhg. Dato’ masih sudi untuk meluangkan masa untuk hadir dalam majlis pada hari ini.

SEJARAH TAIPING BANDAR WARISAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Seperti semua sedia maklum Bandar Taiping merupakan bandar yang bermula sebagai pekan kecil bijih timah sehingga ibu negeri pertama di Perak suatu ketika dahulu. Kini, ianya masih tetap unggul dengan ciri-ciri sejarahnya sehingga dikenali sebagai Bandar Warisan. Pada mulanya, Taiping dikenali sebagai Klian Pauh bermula dengan penempatan sebilangan kecil masyarakat Melayu. Penemuan bijih timah yang banyak di kawasan sekitarnya telah menarik minat orang asing. Ini berikutan terjumpanya gajah peliharaan Long Jaafar bernama Larut berlumuran dengan lumpur yang mengandungi bijih timah. Bersempena nama gajah tersebut, daerah itu telah dinamakan Larut.

3. Tamatnya Perang Larut pada 1874, nama Klian Pauh ditukar kepada Taiping yang asalnya perkataan cina iaitu ‘Tai-Peng’ yang bermaksud Aman Selama-Lamanya. Setelah termeterai Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, Taiping telah menjadi sebuah bandar yang utama di Negeri Perak. Meniti 150 ulang tahun pada 2024, Bandar Taiping adalah salah satu Bandar Warisan yang tertua di Malaysia.

4. Bangunan-bangunan warisan yang terdapat di Taiping lebih tertumpu kepada bangunan kerajaan dan rumah

kedai di mana seni bina adalah dari pengaruh Inggeris. Rumah kedai merupakan bangunan yang paling nyata dan menjadi tanda tempat penting di Taiping. Seni bina yang sering digunakan ialah Utilitarian, Neo-Classical, Palladian, Minnan, Moden dan sebagainya.

5. Perkembangan bandar dititikberatkan oleh Kerajaan British ketika itu memandangkan peranan yang strategik menjadi ibu negeri Pusat Pentadbiran British di Perak. Perkembangan ini disokong dengan sistem perhubungan dan komunikasi paling moden ketika itu. Taiping merupakan satu-satunya bandar yang mempunyai landasan kereta api, lapangan terbang dan Pusat Telegraf yang pertama di Tanah Melayu. Antara komponen yang dibangunkan ialah Pusat Pentadbiran, Pendidikan, Rekreasi, Keagamaan, Perniagaan, Keselamatan dan Pusat Sivik dibangunkan sejak tahun 1800-an

6. Keunikkan Bandar Taiping sebagai Bandar Warisan adalah berdasarkan kepada 33 perkara yang utama di bandar ini. Semua berada disekeliling kita iaitu Taman Tasik Taiping, Pusat Peranginan Bukit Larut, Kolam Renang Kemahkotaan, Penjara Taiping, Muzium Perak, Muzium Telegraf, Menara Jam, Bangunan Mahkamah

dan juga Zoo Taiping & Night Safari. Justeru, wajar bagi Majlis Perbandaran Taiping (MPT) memelihara karakter keistimewaan seni bina, kepentingan sejarah dan kepentingan budaya Bandar Taiping dikekalkan, dikawal dan ditingkatkan.

YBhg Dato, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

TAIPING HERITAGE ART TRAIL RANCAKKAN MURAL DI TAIPING

7. Satu ketika dulu, lukisan besar yang menggunakan cat atau semburan pada dinding bangunan atau kawasan tertentu dilihat sebagai perbuatan vandalisme kerana seakan-akan merosakkan pemandangan sesebuah lokasi. Namun ketika ini, lukisan mural dilihat gaya terkini bagi menarik perhatian orang ramai mengunjunginya. Malah, kebanyakkan pemilik premis melihat lukisan mural sebagai cara memasarkan produk atau jenama kepada khalayak.

8. Seni mural semakin mendapat perhatian di Malaysia kerana mampu memberikan kesan positif untuk menaikkan nama sesuatu kawasan atau syarikat. Masyarakat tempatan juga semakin menghargai seni

mural kerana setiap mural memiliki aura tersendiri untuk menarik perhatian terutama pengunjung muda.

9. Majlis Perbandaran Taiping mengambil peluang ini dengan berkerjasama beberapa agensi kerajaan, Institut Pendidikan Tinggi (IPT), pihak Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menghasilkan mural berkonsepkan Bandar Warisan. Sehingga kini, Bandar Taiping mempunyai sembilan (9) mural yang bertema Bandar Warisan iaitu:

   i. Mural UV Light di Galeri Perbandaran Taiping, Jalan Istana Larut;
   ii. Mural Postman di Persimpangan Jalan Taming Sari dan Jalan Manekshah;
   iii. Mural Keretapi Tanah Melayu di Persimpangan Jalan Berek;
   iv. Mural Permainan Tradisional di Belakang Kedai Nafis Restauran;
   v. Mural Cendol di Gerai Padang Sarkas;
   vi. Mural Sense of Place & Way of Life di Jalan Boo Bee;
   vii. Mural Taiping Tourism Heritage City di Jejantas Jalan Assam Kumbang;
   viii. Mural Amelia Earhart di Jalan Abdul Jalil; dan
   ix. Mural Badak Sumatera dan Seladang di ZTNS.

10. Bagi Projek Taiping Heritage Art Trail, ianya dianjurkan oleh Syarikat Graffite Management bersempena sambutan 150 ulang tahun Taiping pada tahun 2024. Dana geran diperolehi dari Arts For All Seasons (ArtsFAS), di taja dan disalurkan oleh Yayasan Hasanah bagi menjayakan projek ini. Koperasi Keluarga Halimah-Hussin Berhad (K2H2B) dan Syarikat pengeluar car sembur ‘Propan – The Paint Specialist’ di bawah jenama ‘Zebra PRO’ juga memainkan peranan membantu melancarkan projek ini.

11. Lukisan mural dilukis pada dua pilihan lokasi tarikan utama iaitu di Bangunan Jalan Sultan Mansor dan ZTNS. Saya difahamkan Kedua-dua lukisan mural ini dilaksanakan oleh tiga orang artis tempatan yang mempunyai pengalaman melukis mural di dalam dan luar negara serta memliki lebih dari 10 tahun dalam industri seni ini.

12. Keistimewaan utama projek Taiping Heritage Art Trail ini adalah, setiap lukisan mural tersebut dilengkapi dengan teknologi terbaru iaitu 'Augmented Reality' (AR). AR adalah gabungan elemen digital interaktif iaitu gambar, bunyi, animasi, model 3D serta elemen-elemen interaktif ke dalam persekitaran dunia nyata kita. Penggunaan

dan penambahan teknologi AR-Mural ini juga dipercayai dan dijangka mampu memberi keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri.

13. Semoga dengan pencapaian ini akan menarik minat lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara mengunjung Bandar Taiping & ZTNS. Diharapkan pengunjung ZTNS akan meningkat pada tahun ini berbanding tahun lepas di mana pada tahun 2022, ZTNS telah menerima 967,739 pelawat dengan 842,722 pelawat di sesi pagi iaitu Zoo Taiping dan 125,017 pelawat di sesi malam iaitu Night Safari. Jumlah ini adalah tertinggi sejak penubuhan ZTNS. Pihak Majlis mensasarkan kunjungan sebanyak 1 juta pengunjung pada tahun ini. Ini selaras dengan hasrat YAB Menteri Besar Perak sebagai persediaan menyambut Tahun Melawat Perak 2024 yang disampaikan dalam Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2023 pada 26 Januari lalu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

14. Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yayasan Hasanah di atas menyokong penuh projek AR-Mural 'Taiping Heritage Art Trail'. Juga terima kasih kepada K2H2B, PT Propan Raya I.C.C di atas usahasama yang diberikan. Pelaksanaan projek Taiping Heritage Art Trail tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu, kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.